



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

INISIATIF BANTUAN SUBSIDI PEMBELIAN TIKET PENERBANGAN UNTUK PELAJAR UNIVERSITI AWAM BAGI LALUAN DOMESTIK ANTARA SEMENANJUNG, SABAH, SARAWAK DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Pada 12 Julai 2023, Jemaah Menteri telah bersetuju supaya kerajaan melaksanakan inisiatif bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan untuk pelajar universiti awam bagi laluan domestik antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Kementerian Pengangkutan telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan Kementerian Pendidikan Tinggi, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dan syarikat-syarikat penerbangan bagi memperincikan pelaksanaan inisiatif ini.

Inisiatif ini dijangka akan mememanfaatkan seramai lebih 56,000 pelajar daripada universiti awam dengan implikasi kos keseluruhan yang dianggarkan berjumlah RM16.8 juta.

Inisiatif ini akan dilaksanakan melalui kaedah pemberian *credit shell* di mana syarikat penerbangan akan mengeluarkan baucar digital bernilai RM300 kepada setiap pelajar yang layak untuk ditebus bagi maksud pembelian tiket penerbangan bagi laluan-laluan domestik antara



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Antara terma dan syarat bagi bantuan subsidi tiket penerbangan ini adalah seperti berikut:

- (a) pelajar yang layak untuk menerima subsidi ini adalah semua pelajar warganegara Malaysia yang sedang mengikuti pengajian di universiti awam pada tahun 2023 dalam kategori berikut:
 - (i) berasal dari Sabah, Sarawak atau Wilayah Persekutuan Labuan (berdasarkan alamat tetap) yang sedang menuntut di Semenanjung;
 - (ii) berasal dari Semenanjung (berdasarkan alamat tetap) yang sedang menuntut di Sabah, Sarawak atau Wilayah Persekutuan Labuan;
 - (iii) berasal dari Sabah (berdasarkan alamat tetap) yang sedang menuntut di Sarawak atau Wilayah Persekutuan Labuan;
 - (iv) berasal dari Sarawak (berdasarkan alamat tetap) yang sedang menuntut di Sabah atau Wilayah Persekutuan Labuan; atau
 - (v) berasal dari Wilayah Persekutuan Labuan (berdasarkan alamat tetap) yang sedang menuntut di Sabah atau Sarawak;



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

- (b) hanya sah untuk pembelian tiket penerbangan sehalal atau dua halal bagi laluan penerbangan kelas ekonomi antara tempat asal (Semenanjung/ Sabah/ Sarawak/ Labuan) dan tempat pelajar sedang menuntut (Semenanjung Malaysia/ Sabah/ Sarawak/ Labuan);
- (c) hanya boleh digunakan untuk pembelian tiket penerbangan Malaysia Airlines, AirAsia, Batik Air, Firefly dan MYAirline; dan
- (d) tarikh akhir penebusan baucar untuk pembelian tiket penerbangan adalah pada **31 Oktober 2023**. Namun, pembelian tiket penerbangan untuk perjalanan selepas tarikh akhir penebusan baucar adalah dibenarkan.

Inisiatif ini akan dilaksanakan mulai **15 Ogos 2023**. Untuk memohon bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan, para pelajar universiti awam perlu mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (a) membuat semakan kelayakan melalui laman sesawang Kementerian Pengangkutan yang akan dimaklumkan nanti. Sekiranya pelajar didapati tidak layak, pelajar boleh membuat semakan dan rayuan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi melalui universiti masing-masing;
- (b) membuat permohonan bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan di laman sesawang syarikat penerbangan yang dipilih oleh pelajar;



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

- (c) setelah menerima permohonan tersebut, syarikat penerbangan akan mengeluarkan baucar digital bernilai RM300 kepada pelajar sebagai *credit shell* untuk membeli tiket penerbangan.

Sekiranya harga tiket yang dibeli adalah kurang daripada RM300, baki baucer digital akan kekal dalam *credit shell* untuk digunakan bagi pembelian tiket seterusnya (Rujuk Lampiran 1 untuk contoh);

dan

- (d) menggunakan baucar untuk membuat pembelian tiket penerbangan bagi laluan-laluan yang dibenarkan.

Pelaksanaan inisiatif bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan untuk pelajar universiti awam bagi laluan domestik antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan ini dapat mengurangkan beban kewangan pelajar yang ingin pulang ke kampung halaman semasa cuti semester pengajian.

Bantuan ini adalah salah satu inisiatif Kerajaan Perpaduan untuk mengeratkan hubungan antara Semenanjung dan Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan di samping menangani isu kos sara hidup selaras dengan aspirasi Malaysia Madani.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

**MENTERI PENGANGKUTAN
LOKE SIEW FOOK
12 JULAI 2023**

-TAMAT-

LAMPIRAN 1

	Harga tiket	Jumlah dibayar Kerajaan	Jumlah dibayar pelajar	Baki nilai baucar
				RM300 (Asal)
Tiket 1 (KL-Kuching sehalah)	RM200	RM200	RM0	RM100
Penjelasan: Pelajar A diberi baucar RM300. Beliau membeli Tiket KL-Kuching (Tiket 1) pada harga RM200 menggunakan baucar. Baki nilai baucar sebanyak RM100 boleh digunakan semula untuk tiket lain.				
Tiket 2 (Kuching-KL sehalah)	RM150	RM100	RM50	RM0
Penjelasan: Pelajar A membeli satu lagi tiket iaitu Kuching-KL (Tiket 2) pada harga RM150. Beliau menggunakan baucar dengan nilai baki RM100 manakala RM50 lagi dibayar oleh beliau.				
Jumlah	RM350	RM300	RM50	



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

LAMPIRAN 1

CONTOH PENGGUNAAN BAUCAR SUBSIDI PENERBANGAN

	Harga tiket	Jumlah dibayar Kerajaan	Jumlah dibayar pelajar	Baki nilai baucar
				RM300 (Asal)
Tiket 1 (KL-Kuching sehala)	RM200	RM200	RM0	RM100
Penjelasan: Pelajar A diberi baucar RM300. Beliau membeli Tiket KL-Kuching (Tiket 1) pada harga RM200 menggunakan baucar. Baki nilai baucar sebanyak RM100 boleh digunakan semula untuk tiket lain.				
Tiket 2 (Kuching-	RM150	RM100	RM50	RM0



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

KL sehala)				
Penjelasan: Pelajar A membeli satu lagi tiket iaitu Kuching-KL (Tiket 2) pada harga RM150. Beliau menggunakan baucar dengan nilai baki RM100 manakala RM50 lagi dibayar oleh beliau.				
Jumlah	RM350	RM300	RM50	

Mengenai MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk memimpin dalam sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berasaskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media
Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat

Tel 1800-88-7723
Faks +603 8892 0208
E-mail aduan@mot.gov.my